

# **DASAR SOSIAL TRANSFORMATIF: REKONSTRUKSI MAKNA DAN STRATEGI KESEJAHTERAAN SOSIAL**

Siti Hajar Abu Bakar Ah  
Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial  
Universiti Malaya

Abd. Hadi Zakaria Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Saitan  
Zainal Abidin, Terengganu

Mohd Fadhil Nurdin  
Program Kerja Sosial Sosial, Universiti Sains Malaysia

## **ABSTRAK**

Dasar sosial merupakan mekanisma yang amat berpengaruh di dalam pembinaan masyarakat. Sejarah dunia banyak mengajar kita bagaimana dasar sosial boleh digunakan untuk memajukan atau membinasakan sesebuah masyarakat dan Negara. Fungsi negatif dasar sosial seharusnya dibincangkan di dalam konteks sosial di mana dasar sosial I serta di dalam kerangka dasar sosial itu digubal untuk siapa (*whose social policy?*). Apa pandangan masyarakat terhadap makna dan fungsi dasar sosial, bidang akademik dasar sosial merujuknya sebagai intervensi-intervensi sosial yang diambil dan atau digunakan pemerintah atau agensi-agensi yang berpengaruh dalam Negara bagi bertindak balas dengan keperluan sosial, masalah sosial dan pembangunan sosial Negara. Matlamat haakiki sosial adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat lestari yang maju, harmoni dari semua aspek sosial, ekonomi dan politik. Namun, perubahan sosial yang bersifat dinamik yang mengancam kelestarian kesejahteraan masyarakat mendesak dasar sosial untuk beradaptasi dan bertransformasi dengan perubahan-perubahan yang berlaku agar resiko-resiko sosial, ekonomi dan politik yang berisiko tinggi untuk membinasakan kesejahteraan masyarakat dapat ditangani dengan berkesan. Transformasi ini pula melibatkan rekonstruksi semua perkara asas sesebuah dasar sosial; yaitu bermula daripada makna kesejahteraan sosial, fungsi dan matlamat kesejahteraan sosial serta pendekatan dan strategi dasar sebagai mekanisma utama pencapaian matlamat kesejahteraan sosial. Kertas kerja ini membincangkan secara praktikal definisi kesejahteraan sosial, mengikut acuan dan keperluan masyarakat Malaysia, peranan dasar sosial Negara serta transformasi-transformasi diambil oleh dasar sosial negara bagi memastikan kesejahteraan sosial Negara senantiasa tercapai dan terjamin-pulihara.

Katakunci: Kesejahteraan sosial, dasar sosial, Model dasar sosial transformatif

## **PENDAHULUAN**

Laporan fasa pertama Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transpormasi Ekonomi (ETP) oleh Perdana Menteri Malaysia menunjukkan yang tahap hidup (*living standard*) rakyat Malaysia semakin baik, berikutan

dengan peningkatan pendapatan kapita penduduk kepada USD\$5,000 pada tahun 2012, yang sekaligus men pendapatan boleh-belanja (*disposable income*) rakyat. Begitu juga, kadar kemiskinan berkurangan kepada 1.3 peratus berikutan daripada kejayaan program e-Kasih mengeluarkan hampir 100,000 orang daripada belunggu kemiskinan. Selain itu, Perdana Menteri mengumumkan yang kadar jenayah negara jatuh secara mendadak sebanyak 27 peratus tiga tahun kebelakangan ini. Perangkaan-perangkaan yang dinyatakan ini secara langsung memberi gambaran yang kesejahteraan sosial Malaysia semakin baik.

## **MAKNA DAN INDIKATOR KONVENSIONAL KESEJAHTERAAN SOSIAL**

### **Makna Sejahtera**

Istilah "*sejahtera*" diartikan dalam berbagai kamus, secara bahasanya sebagai "*...the state of doing well especially in respect to good fortune, happiness, wellbeing, or prosperity; aid in the form of money or necessities for those in need; an agency or program through which such aid is distributed; relating to or concern with welfare and especially with improvement of welfare of disadvantages social groups*". Pendek kata, "kesejahteraan" didasarkan pada tindakan sosial, yaitu: pemenuhan keperluan harian, penentuan kesejahteraan oleh Negara dan tindakan sosial dalam memobilisasi sumber-sumber yang dimiliki Negara dan komuniti untuk tujuan pembangunan atau peningkatan taraf hidup masyarakat.

Seiain itu, perspektif agama juga mempunyai maksud tersendiri terhadap terma "sejahtera". Dalam agama Islam umpamanya, "sejahtera" sentiasa terdapat di dalam sebuah do'a; iaitu "*... Ya, Allah berikan kepada kami kebaikan (hasanah), baik di Dunia maupun Akhirat. Makna 'Hasanah'*" ini pula diertikan sebagai kebaikan, kesejahteraan, dan juga kebahagiaan. Menurut agama Kristian pula, istilah sejahtera adalah berasaskan kepada rasa cinta kasih. Dalam agama Hindu pula, pengikutnya melihat "sejahtera" sebagai asas moral kebaikan.

"Kesejahteraan" menurut ilmu sekular moden secara lebih luas mencakupi kesenangan, prestasi, hubungan personal, kemerdekaan, kesehatan, keamanan, dan pekerjaan yang layak . Kesejahteraan secara umum mencakup suasana hati yang diliputi oleh rasa keamanan, kenyamanan dalam hubungan antara individu, kumpulan dan komuniti. Untuk mencapainya, masyarakat memerlukan satu tindakan sosial berupa mobilisasi sumber, pemenuhan keperluan dasar hidup dan intervensi pembangunan sosial oleh pemerintah.

### **Indikator Sejahtera**

Zarina dan Zulkarnain (2012) menyatakan sejahtera dapat dilihat daripada kualiti hidup, kepuasan sosial, kebajikan sosial dan taraf hidup keluarga, kelompok , organisasi, kejiwaan, komuniti dan masyarakat umum. Sedangkan menurut PBB, indikator sejahtera boleh dilihat menerusi indeks pemakanan, perlindungan, kesihatan, pendidikan, rekreasi, keselamatan, kestabilan sosiai, persekitaran fizikal dan lebihan pendapatan sesebuah masyarakat/negara.

Menurut Islam pula, indikator kesejahteraan terlihat dalam do'a: *Allahumma inna nasaluka saiamatan fiddin, wa 'afiatan filjasadin, wa ziadatan fil' ilmi wa bzarakotan fi rizki wa taubatan qobla maut wa rohmatan 'indal maut wa barakotan ba'dal mauf* iaitu boleh dilihat menerusi keadaan keselamatan, moral, kesehatan, pendidikan, pendapatan, kekuatan bertaubat, rahmat saat meninggal, serta mendapat pengampunan setelah meninggal. Dengan kata lain, Islam percaya yang hidup yang sejahtera merangkumi kehidupan semasa hayat dan juga selepas hayat di dunia.

## **Negara Sejahtera: Isu & Konteks Pembangunan**

Seers (1969) mendefinisikan kesejahteraan sosial sebagai pengurangan dan pembasmian kemiskinan, jurang pendapatan dan pengangguran dalam keadaan negara mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangkan. Pembangunan ekonomi dan sosial ini membolehkan negara/pemerintah memenuhi keperluan asas anggota masyarakat pada tahap seoptimum yang boleh (De Muro et al., 2011); sekaligus menjadikan kesejahteraan (well-being) manusia sebagai matlamat akhir (UNDP, 1996). Definisi dan matlamat pembangunan **kosial** ini telah menggalakkan percambahan berbagai kajian berkaitan ukuran bukan konvensional untuk mengukur kesejahteraan sosial. Secara umumnya, indeks pembangunan adalah Indeks Kesejahteraan (*Wellbeing Index*) yang mengandungi 36 indikator meliputi elemen sosio-ekonomi dan alam sekitar.

Profesor Jim Ife dari Australia menyatakan konsep "negara sejahtera" mempunyai makna berbeda mengikut konteks sosio-politik negara yang berbeda. "Negara Sejahtera" versi Amerika misalnya, tidak sesuai diterapkan di Negara-negara Asia kerana sifatnya yang terlalu birokratik Sementara di Eropah pula, "Negara sejahtera" diterjemahkan mengikut konteks budaya lokal berbagai masyarakat di Eropah itu sendiri. Dalam konteks tempatan pula, Profesor J Mohd Nor Wan Daud (ATMAUKM) menyatakan bahawa negara yang maju ialah negara yang mensejahterahkan dan membahagiakan rakyatnya; yaitu negara yang mencapai maqasid al-syariah. Kesejahteraan dan kebahagiaan (*saadah*), menurutnya merupakan aspek penting dalam kemajuan individu dan masyarakat.

Usaha membina indeks pembangunan kesejahteraan berteraskan Islam turut berlaku di Malaysia, institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah mencadangkan Indeks Pembangunan Ummah (IPU). IPU meliputi konsep pembangunan yang lebih luas berbanding indeks sedia ada. Indeks ini menggabungkan Indeks Pembangunan Ekonomi (IPE) Pembangunan Sosial (IPS) dan Indeks Pembangunan Islam (IPI). Di samping IPE yang bertumpu kepada indikator ekonomi dan IPS yang memfokuskan kepada indikator sosial dilengkapi dengan IPI yang mempunyai 14 indikator. Indikator tersebut adalah kutipan zakat bilangan amil, aset perbankan Islam, aset takaful, bilangan pelabur dalam saham amanah aset bersih pelabur saham amanah, bilangan masjid, bilangan surau, bilangan pendepositan Tabung Haji, jumlah deposit di Tabung Haji, bilangan profesional Bumiputera Islam, bilangan sekolah agama, bilangan murid sekolah agama dan bilangan guru sekolah agama (Ahmad Sarji, 2007).

Paradigma pembangunan kesejahteraan di Malaysia sewajarnya ditujukan untuk melaksanakan pembangunan dengan memenuhi keperluan masa kini tanpa mengorbankan keperluan generasi akan datang (Zubair Hasan, 2006). Kesejahteraan sosial seharusnya di atas landasan dan kepercayaan bahawa sumber

alam adalah terhad (*scarcity of resource*) sedangkan kemahuan manusia tidak terhad. Kepercayaan ini merupakan andaian falsafah pembangunan lazim. Pengislahan konsep pembangunan kesejahteraan yang atau kami mahu merujuknya sebagai "kesejahteraan lestari" tidak hanya merangkumi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar tetapi juga mengambil kira aspek hubungan manusia dengan Allah SWT dan makhluk lain. Oleh itu, manusia juga tidak terhad dengan unsur fizikal semata-mata. Selain fizikal, manusia juga dianugerahkan akal serta hati untuk memahami ilmu melalui dalil-dalil 'aqli yang berdasarkan epistemologi dan tasawur islam dengan menggunakan dalil *naqli* daripada Al-Qur'an dan hadith (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

### **Makna, Ukuran dan Amalan Kesejahteraan Sosial**

Definisi Kesejahteraan Sosial adalah suatu keadaan atau kondisi kehidupan manusia yang tercipta ketika berbagai permasalahan sosial dapat dikelola dengan baik, ketika keperluan manusia dapat dipenuhi dan kesempatan sosial dapat dimaksimalkan. Kesejahteraan terwujud apabila masalah sosial dapat diatasi dan keperluan dasar manusia termasuk mental dan hubungan dengan orang sekitar dapat berjalan dengan baik. Keperluan manusia menurut Maslow bersifat hierarki; yaitu hidup individu dilihat sejahtera hanya apabila keperluan yang paling asas berjaya dipenuhi dengan sebaik mungkin; sebelum bergerak memenuhi keperluan yang berada pada tahap lebih tinggi (i.e., keperluan pembangunan diri dan keaktualisasi).

### **TRANSFORMASI MAKNA DAN INDIKATOR KESEJAHTERAAN SOSIAL**

Setiap semester apabila berlangsung kuliah Sistem Kebajikan di Universiti Malaya, para pelajar yang mengikuti kursus ini diminta menyatakan pandangan atau persepsi mereka mengenai makna kesejahteraan sosial. Rata-ratanya menyatakan kesejahteraan sosial adalah satu keadaan tahap, kualitas hidup atau *outcome* sosial yang dinikmati oleh rakyat pemerintahan negara berjaya mentadbir-urus negara dengan baik; iaitu apabila mampu mediakkan keperluan-keperluan hidup yang diperlukan oleh rakyat, melindungi rakyat daripada segala bentuk ancaman bahaya atau masalah sosial serta membantu rakyat memajukan atau membangunkan diri dan keluarga mereka. *Outcome* sosial ini puia digambarkan oleh serangkaian indikator sosial, ekonomi dan politik yang bersifat positif dan kondusif. Antaranya adalah pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan hingga jmembolehkan rakyat bersaing secara sehat di dalam pasar buruh negara, kewujudan pelbagai sokongan kerja bagi membantu mereka yang menganggur, kewujudan pelbagai pengekalan-pemuliharaan pendapatan (*income-maintenance programmes*) bagi satu sistem jaringan-perlindungan sosial agar rakyat tidak terlalu terbeban dengan masalah-masalah sosial seperti kemiskinan, pemberhentian dan ketiadaan kerja, ketidak upayaan bekerja akibat daripada kecacatan fizikal atau mental karena kemalangan dialami ketika bekerja, atau berbagai program kebajikan-pekerjaan (*workfare ammes*) yang berusaha untuk mendaya-upayakan kumpulan masyarakat yang tidak mampu bersaing secara aktif dalam pasar buruh karena halangan-halangan sosial tertentu (i.e., menjaga anak-anak yang masih kecil, ketiadaan perkhidmatan penjagaan anak yang mampu dibiayai oleh pekerja wanita, kekurangan kemahiran kerja). indikator sosialnya pula adalah seperti ketiadaan atau penurunan di dalam berbagai insiden

masalah sosial seperti jenayah, kemiskinan, buta huruf, penyakit berjangkit tidak terkawal, gelandangan, penderaan anak-anak dan berbagai masalah sosial yang berkaitan dengan keluarga. Sebuah masyarakat itu juga dikatakan sejahtera apabila rakyat boleh menyertai atau melibatkan diri secara aktif dalam berbagai program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh kerajaan dan komuniti setempat.

Pendek kata, kesejahteraan sosial adalah mengenai kualiti hidup masyarakat. Midgley (1995) berpendapat kesejahteraan hidup masyarakat bergantung kepada keadaan keperluan hidup masyarakat, kewujudan berbagai masalah sosial, serta kewujudan berbagai peluang untuk memajukan diri, keluarga dan masyarakat. Bukan setakat keadaan-keadaan itu sahaja, kesejahteraan sosial perlu dinilai menerusi usaha-usaha yang diambil oleh pemerintah/kerajaan dan anggota masyarakat dalam menjamin-pulihara keadaan hidup yang harmoni, selamat dan membangun secara seimbang dalam segenap aspek kehidupan. Kesejahteraan sosial boleh dinilai menerusi kewujudan tiga keadaan sosial berikut: (1) Kemampuan anggota masyarakat memenuhi keperluan hidup masing-masing dengan Xturna, (2) kemampuan anggota masyarakat mengawal dan bertindakbalas secara bersesuaian dengan segala bentuk masalah sosial yang mengancam keharmonian dan kesejahteraan hidup mereka; dan, (3) ketersediaan atau kewujudan berbagai peluang sosial UNTUK anggota masyarakat memperkasa dan memajukan diri dan anggota komuniti masing-masing. Keadaan hidup masyarakat dikatakan sejahtera atau berkualiti sekiranya ketiga sosial di atas berlaku atau wujud.

Pendapat konvensional ini terus menjadi asas kepada makna, ukuran dan amalan kesejahteraan sosial oleh kebanyakan masyarakat atau negara. Perubahan sosial yang berlaku secara dinamik di dalam kehidupan harian masyarakat (i.e., perubahan dalam struktur ekonomi negara, pola dan paten pekerjaan, keperluan kemahiran vokasional global, perubahan struktur keluarga, perubahan paradigma dan fungsi beberapa institusi sosial seperti agama, pendidikan, sosialisasi dan politik) menyebabkan makna konvensional kesejahteraan sosial ini berubah dan bertransformasi dengan perubahan yang berlaku. Kertas kerja ini membincangkan makna-makna alternatif kesejahteraan sosial bersesuaian dengan keperluan semasa dan masa hadapan negara, serta beranjalan dengan perubahan sosial yang berlaku di tingkat global dan global.

Definisi atau makna kebajikan sosial dan *outcome* hakikinya, yaitu kesejahteraan sosial sering diperdebatkan berdasarkan kepada dua premis berikut; "Apakah yang dirujuk sebagai sebuah masyarakat yang sejahtera atau baik?" (*what constitutes a good society?*) dan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh sistem kebajikan atau kesejahteraan sosial di sebuah negara dalam membentuk sebuah masyarakat yang sejahtera?" (*what role welfare can play in, bringing such a society into well-being?*) (Goodin, 1988). Kedua-dua premis di kemudiannya menjana kepada beberapa soalan pokok berkaitan makna kesejahteraan sosial Antara argumennya adalah "Apakah peranan atau tanggungjawab kerajaan/pemerintahan terhadap rakyatnya?", "Apakah yang perlu ada di dalam sebuah kerajaan/pemerintahan baik/sejahtera?" dan "Apakah peranan rakyat di dalam sebuah negara yang sejahtera? Argumen-argumen ini kemudiannya mendesak kita untuk meneliti dan membina semula makna konsep kebajikan atau kesejahteraan sosial.

Berkaitan rapat dengan argumen-argumen di atas, serta bersesuaian dengan transformasi sosial dan ekonomi yang berlaku di dalam kalangan masyarakat Malaysia, termasuk "kesejahteraan sosial" seharusnya dibina semula bagi merujuk kepada tiga perkara berikut:

- Kesejahteraan sosial sebagai asas pembinaan dan penyuburan moral dan agama masyarakat Malaysia,
- Kesejahteraan sosial sebagai asas pertumbuhan ekonomi produktif negara; dan,
- Kesejahteraan sosial sebagai asas pentadbiran negara yang adil-saksama.

### **Kesejahteraan sosial sebagai asas pembinaan dan penyuburan moral dan agama masyarakat malaysia**

Ramai pengkaji masyarakat, khususnya ahli ekonomi berpandangan kekukuhan dan kemajuan sebuah negara-bangsa terletak pada kekuatan ekonominya, Kepentingan ekonomi dalam pembangunan sesebuah negara memang tidak dapat dinafikan. Namun, sejarah banyak membuktikan negara yang maju dari segi ekonomi tetapi mundur dari segi akhlak moral negara-bangsa yang tidak sejahtera. Kesejahteraan lestari mendesak agar ada keseimbangan di antara pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial. Negara-bangsa yang maju segi ekonomi tetapi mundur dari segi akhlak moral boleh disama-artikan sebagai satu tiang yang kosong di dalamnya - rapuh dan tidak padat isi dalamnya, yang dapat mudahnya akan tumbang apabila diancam anasir-anasir luar yang berpengaruh. Justru pembinaan sebuah negara-bangsa perlu dibina di atas tapak moral yang kukuh.

Masyarakat atau bangsa yang maju adalah masyarakat yang bermoral. Intipati pembinaan moral yang mulia dan maju adalah agama. Negara-kebajikan terawal bermula dalam kerajaan Islam pentadbiran Rasulullah SAW (Siti Hajar, 2011; Crone, 2005). Rasulullah telah menjadikan rukun Islam, Al-Quran dan Hadis sebagai asas atau tapak pembinaan sebuah negara-bangsa Arab Islam yang maju. Rasulullah SAW juga telah berusaha untuk memastikan ajaran Islam menjadi asas kepada pembinaan sebuah negara Islam yang berdaulat. Amalan pentadbiran negara oleh Rasulullah ini kemudiannya menjadi ikutan kebanyakan kebanyakan moden; khususnya negara-negara Islam. Di Malaysia juga, Percaya kepada Tuhan prinsip Rukun Negara kita yang pertama. Prinsip pertama Rukun Negara ini secara langsung menggambarkan kepentingan agama di dalam membentuk sebuah negara-yang sejahtera. Atas kepentingan ini, dasar sosial negara berfungsi sebagai medium pembinaan sebuah bangsa Malaysia yang bermoral, beretika, berbudi pekerti mulia bertamadun. Fungsi ini penting bagi memastikan pembentukan sebuah masyarakat Malaysia yang sejahtera tercapai.

Bagi membina sebuah tapak pentadbiran negara-bangsa yang bermoral dan beretika, perkara pertama paling asas yang boleh dilakukan oleh institusi kesejahteraan sosial negara membina tingkahlaku atau budi pekerti anggota masyarakat. Semasa zaman pentadbiran Negara-Kebajikan Islam oleh empat Khulafa al-Rasyidin pada kurun ke 8 Masihi (Crone dalam Siti Hajar,2011), prinsip Maqasid-AI-syariah telah menjadi teras kemakmuran negara

Prinsip tersebut menjadi asas kepada undang-undang pengurusan negara. Prinsip tersebut menyentuh secara langsung semua aspek kebajikan hidup masyarakat; daripada menjaga tata susila, mengurus hidup, kepada kaedah berfikir dan

bertindak. Prinsip tersebut mendesak pemerintah memelihara lima perkara pokok bagi memastikan kesejahteraan hidup masyarakat terjamin. Lima perkara pokok tersebut adalah agama, diri, akal, keturunan dan harta. Berasaskan kepada lima perkara tersebut, lima kepentingan yang perlu dijaga oleh pemerintah bagi memastikan kemakmuran negara dan masyarakat terjaga adalah:

- menjaga agama, akhlak dan moral masyarakat,
- menjaga nyawa; iaitu mengelakkan pertumpahan darah, mengekalkan ketenteraman dan keamanan negara,
- menjaga akal; yaitu memelihara dan memupuk anggota masyarakat dengan ilmu pengetahuan dan nilai-nilai murni serta mencegah masyarakat daripada pengaruh negatif yang boleh merosakkan akal manusia seperti arak, dadah dan sebagainya,
- menjaga maruah dan keturunan; yaitu menjaga sistem sosial negara; khususnya negara, agar terus dapat menjamin melahirkan umat manusia yang mulia, dan melindungi anggota masyarakat daripada malapetaka sosial yang boleh meruntuhkan kemurniaan sistem sosial serta,
- menjaga harta/sumber-sumber negara secara adil; iaitu mengelakkan penindasan, tidak rasuah, tidak bersikap monopoli ekonomi, tidak mengamalkan diskriminasi di dalam pengagihan sumber negara atau mengagihkan sumber-sumber negara secara adil.

Prinsip Maqasid-AI-syariah Islam atau dalam ilmu sekularnya dipanggil sebagai prinsip pentadbiran dan pengurusan negara, secara jelasnya telah menyatakan asas-asas yang perlu ada di dalam menjamin kesejahteraan sosial. Walaubagaimana pun, pencapaian dan regekal-an-pemuliharaan kesejahteraan sosial ini bergantung kepada pendekatan yang digunakan oleh negara dalam membantu mencapai kesejahteraan sosial.

Bagaimanakah prinsip-prinsip di atas boleh diaplikasikan ke dalam kehidupan harian masyarakat? Antara perkara asas yang boleh kita lakukan bersama adalah melakukan berbagai inisiatif membentuk anggota masyarakat yang kukuh dengan nilai altruisme; yaitu tidak mementingkan diri sendiri, mengutamakan aktiviti kifayah masyarakat, mengutamakan kepentingan orang lain walaupun dalam masa yang sama menjaga kepentingan sendiri, mengutamakan kepentingan bersama, serta mempunyai sikap ihsan (*compassion*) apabila membantu anggota masyarakat tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Para sarjana Islam dan bukan Islam percaya yang sikap altruisme ini merupakan motivasi utama atau faktor utama kepada perkembangan kerja-kerja amal (*charity*) atau kebajikan sukarela (*voluntary forms of welfare*); yaitu asas kepada pembentukan sebuah masyarakat yang prihatin dan penyayang kepada keperluan anggota komuniti masing-masing. Kewujudan sikap atau nilai ini di dalam diri setiap anggota masyarakat membolehkan mereka mengawal-kendali tingkah laku masing-masing agar tidak bercanggah daripada nilai dan norma sosial masyarakat, serta sentiasa bertingkah laku yang boleh membawa keuntungan kepada semua anggota komuniti. Kewujudan nilai ini dalam diri anggota masyarakat juga dapat mengurangkan beban pemerintah/kerajaan di dalam menyediakan berbagai bantuan sosial dan ekonomi kepada rakyat. Ini kerana masyarakat mempunyai satu sistem jaringan bantuan sosial dan ekonomi semula jadi apabila sesuatu malapetaka sosial menimpa mereka. Titmuss (1968) contohnya mengatakan secara tabienya individu bertindak secara rasional dan mempunyai motivasi sendiri untuk

memperbaiki atau menambah baik keadaan hidup mereka dan mempunyai sikap atau perasaan ingin mengambil-berat terhadap kebajikan orang lain; khususnya anggota masyarakat yang berada di sekitarnya. Sikap semulajadi ini kemudiannya mendorong atau memotivasi anggota masyarakat untuk menjaga kebajikan orang lain di sekitarnya. Ini kemudiannya mendorong kepada asas penubuhan institusi kebajikan sosial. Masyarakat yang mempunyai nilai altruisme yang baik memampukan kesejahteraan sosial memenuhi matlamat memperbaiki dan memajukan diri sendiri (*self-improvement*) dan dalam masa yang sama mampu mempromosi kebaikan komuniti secara bersama (*common good*) (Deacon, 2002).

Selain nilai altruisme, dasar sosial juga perlu berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan tanggung jawab sosial dalam diri setiap anggota masyarakat. Malah, objektif utama kesejahteraan sosial haruslah untuk mempromosi, menanam atau meningkatkan sikap dalam kalangan anggota masyarakat. Alan Deacon di dalam bukunya *Perspectives on welfare* (2002) berpandangan institusi kesejahteraan sosial negara harus mampu menjadi lembaga sosial di mana prinsip dan sikap tanggungjawab sosial (*social obligation*) dibina dalam diri setiap anggota masyarakat. Sikap tanggungjawab sosial ini pula harus : berdasarkan komitmen emosi yang kuat antara setiap individu, tanggung jawab agama hubungan timbal-balas (*reciprocal relationships*) antara setiap anggota masyarakat. Konsep "persaudaraan sesama manusia" (*fraternity*) yang kemudiannya diperluaskan aplikasinya dalam kebajikan sosial kepada bantuan-bantuan kemanusiaan atas landasan saudara seagama (*brotherhood and sisterhood*) atau bantuan sekariah kerana menduduki : geografi yang sama (Friedlander and Apte, 1974). Setiap anggota masyarakat perlu mempunyai perasaan bertanggungjawab (*sense of duty*) sebagai ahli komuniti. Sikap tanggungjawab sosial ini seterusnya dapat mengelakkan anggota masyarakat daripada sikap mengambil kesempatan terhadap bantuan-bantuan yang disediakan oleh pemerintah; tanpa memberi balik kepada komunitinya. Sikap "tiada bantuan tanpa tanggungjawab" perlu ditanam ke dalam diri setiap anggota masyarakat.

Satu lagi prinsip sosial yang perlu ada dalam komponen moral masyarakat adalah prinsip hidup bermasyarakat (*communitarianism*). Amitai Etzioni dalam bukunya *The spirit of community*, (1993; 2013) dan *The new golden rule* (1996) menjelaskan secara terperinci mengenai kepentingan prinsip ini. Menurutnya, semangat komuniti penting kerana ia bertindak sebagai satu ikatan sosial (*social bonds*) yang mengikat lekatan anggota komuniti agar dapat bertindak sebagai satu pasukan di dalam menjaga kebajikan hidup bersama. Semangat komuniti ini juga berperanan sebagai suara moral komuniti (*moral voices of the community*) menjaga tingkah laku dan adab setiap anggota komuniti agar mematuhi norma, peraturan dan nilai sosial yang telah ditetapkan. Selain itu, nilai atau semangat hidup berk komuniti ini juga penting dalam membentuk sebuah komuniti yang responsif (*responsive community*); yaitu sentiasa priatin dengan apa yang berlaku di dalam komuniti dan sentiasa berusaha untuk mengguna-pakai pelbagai intervensi bagi bertindakbalas dengan perkara-perkara tersebut bagi memastikan kehidupan komuniti sejahtera. Etzioni mengatakan prinsip ini penting bagi bertindak-balas dengan sikap mementingkan diri (*individualistic*) yang tebal dalam masyarakat industri kontemporari.

Pendek kata, makna kesejahteraan sosial harus diperkukuhkan semula agar dapat memberi penekanan kepada peranannya sebagai mekanisme pembinaan dan pengukuhan agama moral, norma-norma sosial dan jangkauan-jangkauan sosial yang



murni dalam kalangan anggota masyarakat. Perkara ini penting bagi memastikan kepentingan bersama/awam (*public interest*) melangkaui kepentingan peribadi (*private interest*) dan matlamat peribadi individu tanggungjawab individu dan peranan komuniti selari dalam memastikan kebaikan/kepentingan bersama dipenuhi/tercapai, dan keteraturan sosial terjamin-pulihara selari dengan nilai-nilai sosial dan moral yang dipegang/disokong bersama. Rekonstruksi makna dan kesejahteraan sosial ini bukan sahaja dapat mencegah kewujudan berbagai masalah dalam negara; malah mampu menyediakan berbagai intervensi sosial dalam bertindak dengan berbagai defisit keperluan atau masalah sosial yang wujud dalam ke masyarakat.

### **Kesejahteraan sosial sebagai asas pertumbuhan ekonomi produktif**

David Ellewood dalam bukunya *Poor Support* (1988) menyatakan institusi kebajikan sosial awam hanya bertindak sebagai satu sistem sokongan/bantuan sementara (*temporary support*), atau hanya bersifat sementara atau bantuan transisi (*transitional assistance*). Ini kerana kemiskinan tidak boleh dibasmi menerusi bantuan keuangan semata-mata. Bantuan awam seharusnya diberikan untuk satu tempoh waktu yang terhad (*limited period*), khususnya diberikan dalam tempoh masa penerima bantuan tersebut sedang menerima pendidikan dan latihan. Pada akhir tempoh masa pendidikan dan latihan tersebut, penerima bantuan tersebut dijangkakan telah mampu memperolehi pekerjaan. Apabila/Setelah bekerja, mereka ini layak untuk menerima/diberi serangkaian manfaat sokongan (*supplementary benefits*) atau perkhidmatan sosial yang mampu menjamin-pulihara pendapatan mereka. Ini penting bagi memastikan pendapatan yang diterima mereka daripada pekerjaan yang dilakukan melebihi atau melangkaui garis kemiskinan. Mengikut Teori Pernbahagian Kebajikan Sosial (*Social Division of Welfare*) pula, pekerjaan yang dilakukan oleh individu merupakan saluran utama untuk memenuhi keperluan hidupnya dan keluarganya.

Berkaitan dengan hal ini, makna kesejahteraan sosial harus merangkumi peranannya sebagai medium untuk menyediakan individu ke alam pekerjaan atau alat promosi pekerjaan produktif kepada anggota masyarakat. Pekerjaan perlu diletakkan sebagai strategi utama reformasi kebajikan sosial. Pekerjaan mampu mengubah persepsi masyarakat terhadap tanggungjawab sosial dan ekonomi mereka. Deacon (2002) berpendapat bahwa sebuah sistem kebajikan yang berdaya maju (*viable*) mempunyai tiga ciri asas; yaitu:

- Berfungsi sebagai transisi ke alam pekerjaan,
- Menanamkan kepercayaan kepada anggota masyarakat yang kerja atau pekerjaan yang dilakukan penting sebagai punca penjana kesejahteraan hidup individu, keluarga dan
- Masyarakat (*workpays*); dan, Kebajikan dilihat sebagai satu kontrak sosial di antara kerajaan dan pemohon bantuan (*claimants*).

Hubungan saling lengkap-melengkapi (*complementary relationship*) antara dasar sosial dan dasar ekonomi memang tidak dapat dinafikan. Apalagi, bagi dasar sosial yang mermodelkan pencapaian industri (*industrial achievement model*) - prasyarat utama kepada keupayaan negara menyediakan dan menyampaikan pelbagai jenis perkhidmatan sosial awam kepada rakyat adalah tahap gunatenggara negara mesti berada pada tahap penuh (Siti Hajar, 2007; Titmuss, 1965).

Produktiviti ekonomi yang tinggi membolehkan kerajaan menggunakan banyak lebihan ekonomi untuk membiayai berbagai jenis perkhidmatan sosial yang diperlukan oleh masyarakat. Negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang mantap dan baik mempunyai banyak sumber untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyatnya. Justeru itu, dasar sosial perlu berintegrasi dengan dasar ekonomi menjana pertumbuhan ekonomi negara agar anggota masyarakat masih terus memperoleh atau melibatkan diri dalam pekerjaan-pekerjaan produktif. Intervensi-intervensi seperti Dasar Pasar Buruh (*labor market policy*), praktis peraturan/undang-undang buruh dan perburuhan, dasar pekerjaan (*employment policy*), dasar pembangunan sumber manusia (*human resource development policy*), dasar pendidikan teknikal dan vokasional (*vocational training policy*), amalan kesatuan buruh negara (*trade unions practice*), praktis hubungan industri (*industrial relations*) serta perubahan-perubahan yang berlaku dalam paten pekerjaan global perlu diberi penelitian dan pemantauan berterusan bagi memastikan masalah-masalah sosial seperti pengangguran (khususnya pengangguran belia), pendapatan pekerjaan yang tidak mencukupi dan isu-isu pengekaln pemeliharaan pendapatan (*income maintenance*) terkawal. Semua intervensi sosial yang dinyatakan di atas perlu diperincikan agar boleh menjadi alat transisi menggerakkan individu kearah pekerjaan produktif.

Bagi memastikan dan menggalakkan individu bekerja, sistem kesejahteraan sosial harus membuka, mewujudkan dan menyediakan pelbagai program/intervensi yang mampu ningkatkan keupayaan individu untuk bekerja. Sekiranya ketidakmampuan masyarakat untuk bekerja disebabkan oleh kemahiran ekonomi/vokasional, kerajaan perlu pertingkatkan program-program yang meningkatkan sumber dan kemahiran vokasional masyarakat, seperti menerusi pelbagai skim latihan teknikal, skim kemahiran vokasional dan skim pendidikan latihan. Pendek kata, kesejahteraan sosial transformatif sentiasa memerlukan kerajaan memperkenalkan tindakan-tindakan baru (*new measures*) yang mampu membantu mempertingkatkan pendapatan yang rendah (*supplement low wages*) dan sokongan sosial untuk anggota masyarakat mampu bekerja dengan kondusif.

Bagi mempromosi pekerjaan sebagai strategi paling berkesan untuk mengurangkan atau menghapuskan pergantungan masyarakat kepada bantuan sosial awam, satu kontrak sosial antara pemerintah dan rakyat; khususnya antara agensi yang memberi bantuan dengan penerima bantuan (*claimants or receivers of services*) perlu termeterai. Dalam konteks peranan institusi kesejahteraan sosial sebagai medium transisi dan promosi pekerjaan, kerajaan hanya boleh menyuruh pemohon bantuan untuk bekerja sekiranya mereka telah menyediakan latihan pendidikan dan program penempatan pekerjaan. Begitu juga, pemohon bantuan yang menerima bantuan sosial awam perlu "membayar balik" dengan cara melibatkan diri dalam pekerjaan produktif. Kami ingin memetik satu program sosial yang memperlihatkan amalan kontrak sosial ini; yaitu Program Kebajikan-Pekerjaan (*Welfare-to-Work* atau *Workfare*) Program ini giat diaksanakan oleh kebanyakan negara maju bagi bertindak-balas dengan masalah "malas berusaha/berdikari", pengangguran dan juga bagi menggalakkan individu bekerja atau menyertai pasar buruh negara (Siti Hajar, 2007). Program ini mengintegrasikan pelbagai program, aktiviti dan usaha pekerjaan/pasar buruh dengan bantuan kebajikan sosial awam. Individu yang memohon bantuan sosial awam hams terlebih dahulu menyertai program atau aktiviti pekerjaan, ataupun sekurang-kurangnya menyertai program latihan kemahiran ekonomi. Kelayakan

mendapat bantuan kebajikan sosial awam tertakluk kepada penglibatan individu dalam program-program pekerjaan yang diusahakan oleh agensi kebajikan sosial negara/negeri. Bagi menyokong dan mendaya-upaya individu untuk bekerja, Program Kebajikan-pekerjaan juga merangkumi skim-skim seperti Skim Penempatan Pekerjaan (*Jobs placement*), perkhidmatan kembali bekerja (*back to work services*), skim-skim pewujudan peluang pekerjaan (*Job creation schemes*), program-program latihan kerja dan pengalaman kerja (*training and work experience programmes*), subsidi pekerjaan (*Job subsidies*), upah bagi majikan/firma yang mengambil pengangur bekerja, kaunseling pekerjaan, bantuan dan nasihat pekerjaan serta pelbagai program lain.

Kontrak sosial dalam pemberian bantuan sosial awam dan penglibatan mandatori dalam pekerjaan antara individu dan agensi kesejahteraan sosial awam dikatakan berkesan dalam mencapai lima perkara berikut (Deacon, 2002; Harris, 2001; Davis and Wainwright, 2000; Fox-Piven 1999):

- Mengurangkan sikap pergantungan masyarakat terhadap bantuan sosial awam sikap ini membinasakan atau merosakkan moral sosial dan tanggungjawab sosial anggota masyarakat,
- Menjana produktiviti penglibatan sektor ketiga (sektor bukan kerajaan seperti sektor sukarela, persendirian, keluarga, sektor tak-formal, sektor bantuan sendiri) yaitu satu sistem *mixed economy of care* di dalam sistem penyediaan dan pemberian bantuan sosial awam tidak bergantung sepenuhnya kepada sektor awam.
- Menanam dan menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat.
- Model kebajikan-pekerjaan merupakan jalan tengah atau penyelesaian bagi bertindabalas dengan peningkatan mendadak kumpulan masyarakat kelas bawahan terpinggir (*excluded underclass*) yang wujud di dalam kebanyakan negara pada hari ini; dan,
- Mengurangkan atau mencegah penyalahgunaan bantuan sosial awam dalam kalangan anggota masyarakat yang tidak bermoral.

### **Kesejahteraan sosial sebagai asas pentadbiran negara yang adil-saksama**

Negara-kebajikan terawal bermula dalam kerajaan Islam pentadbiran Rasulullah SAW menerusi implementasi Rukun Islam berkaitan dengan amalan pentadbiran zakat dan jizyah secara kewajipan masyarakat Islam membantu anggota masyarakat yang berkeperluan; khususnya anak yatim, balu dan janda, orang tua, golongan sakit terdampar, orang kelainan upaya dan anggota masyarakat miskin (Siti Hajar, 2011). Masjid digunakan secara optimum sebagai pusat pentadbiran sosial komuniti setempat. Masjid merupakan dewan komuniti bagi membincangkan masalah sosial yang melanda kehidupan masyarakat serta menjadi pusat aktiviti kebudayaan dan keriaan penting masyarakat Islam. Masjid dibina di segenap ceruk rantau bagi memudahkan urusan hal-ehwal kebajikan rakyat (Crone, 2005).

Penggunaan kebajikan sosial sebagai instrumen asas pentadbiran negara diperkukuhkan lagi semasa pentadbiran empat khulafa al-Rasyidin Islam semasa abad ke-8 Masihi (Crone, 2005). Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar Al-Khatab (634-644 Masihi) dan Khalifah Uthman bin-Affan (644-656 Masihi) contohnya, sistem percukaian, sistem pencen kepada para pekerja di institusi Diwan dan institusi Baitul-Maal (perbendaharaan negara) menjadi jabatan pentadbiran negara yang penting; khususnya dalam mengawal-urus segala bentuk masaiah sosial yang wujud dalam negara. Institusi kebajikan sosial ini menguruskan enam sumber utama pendapatan negara; iaitu zakat, ushr, jizya, fay, khums dan kharaj. Bandar-bandar baru ditubuhkan mengikut peian perancangan bandar strategik. Malah, sebagai simbol masyarakat yang sama-rata, Khalifah Umar mengarahkan agar kawasan kediaman tidak diasingkan kepada kawasan kediaman miskin, kaya dan elit (Crone, 2005). Pegawai-pegawai pasar diwujudkan bagi mengawal harga barangan dan kualiti barangan yang dijual di pasar. Rumah tetamu disediakan untuk para pedagang yang datang dari jauh. Sistem jalan-roya dan jambatan dibina bagi kegunaan orang awam. Rumah tumpangan dan rumah perlindungan, perigi, rumah untuk para musafir berhenti rnakan disediakan di sspanjang perjalanan dari Madinah ke Mekah bagi menjaga kebajikan orang awam.

Kebajikan sosial menerusi strategi pengagihan semula sumber-sumber negara (*resources distribution*) menjadi asas keadilan sosial negara; iaitu bagi memastikan sumber negara dinikmati oleh/dan mencakupi semua golongan masyarakat, khususnya golongan masyarakat yang berkeperluan. Strategi pengagihan semula dan keadilan sosial diyakini dapat menyumbang kepada pengagihan semula sumber-sumber negara dan peluang-peluang yang ada dalam negara secara adil dan saksama kepada semua segmen anggota masyarakat. Agihan semula sumber-sumber negara secara adil tidak dapat dilakukan sekiranya ada dalam kalangan anggota masyarakat yang bersifat mementingkan diri sendiri, tidak merasa kepentingan orang lain atau merasakan tidak perlu berkongsi sumber negara dengan individu lain atau sikap ketidakendahan untuk membolot sumber negara untuk diri sendiri atau keluarga sendiri saja.

Keadilan sosial (*social justice*) merupakan tapak amalan pentadbiran negara. Cohen (1986) berpendapat keadilan sosial merupakan piawai moral/akhlak yang penting dalam kehidupan masyarakat, terutamanya di dalam membentuk tingkahlaku masyarakat. Amalan pentadbiran keadilan sosial perlu memberi keutamaan kepada perkara-perkara berikut- agihan sama-rata sumber-sumber negara, layanan dan peluang pembangunan diri secara sama-rata kepada semua kumpulan sosial yang terdapat dalam negara, persamaan penerimaan peluang pembangunan ekonomi (*economic egalitarianism*), mengambilkira dan mengiktiraf perbezaan sosial yang wujud dalam masyarakat (*recognition of social differences*), agihan semula sumber-sumber sosial negara dibuat berasaskan kepada keperluan (*needs*) dan penyertaan (*participation*), keadilan berasaskan hak (*rights*), bahagian (*dessert*) dan keperluan (*needs*), kontrak sosial yang sah secara sosial (*socially legitimate social contract*) dan kebebasan dalam amalan-amalan asas kehidupan seperti kebebasan berfikir, kebebasan memilih buruk can baik (*liberty of conscience*), kebebasan berpolitik, kebebasan bersatu, kebebasan dan hak untuk dilindungi oleh kemuliaan undang-undang (Hayek, 1976; Rawl, 1972).

Deacon (2006) berpendapat altruisme mampu menyumbang kepada keadilan sosial dan Kesejahteraan sosial dalam sesebuah negara dengan cara:

- Mengurangkan ketaksamaan sosial (*social inequalities*) - yang merupakan prasyarat kepada pembentukan satu budaya umum (*precondition for the creation of a common culture*) dan juga kepada pembentukan hubungan sosial yang sejahtera dan makmur dalam negara.
- Agihan semula boleh dan mesti dicapai menerusi perkhidmatan sosial yang bersifat tidak mendiskriminasi anggota masyarakat; sebaliknya, dapat/mampu menanamkan semangat kekitaan (*can foster a sense of community*).

Namun begitu, agihan semua bukanlah satu perkara yang mudah dilakukan. Sekiranya tidak dilakukan dengan kemas, institusi kebajikan sosial akan diselar sebagai satu institusi yang dibina khusus untuk golongan miskin. Ini kerana terdapatnya retorik popular yang melihat institusi ini untuk orang miskin. Retorik ini bertentangan sekali dengan salah satu daripada matlamat kebajikan sosial; iaitu untuk "membentuk" tingkahlaku dan aspirasi golongan individu yang menerima bantuan.

Richard Titmuss banyak menulis mengenai idea kebajikan sosial. Dalam buku-bukunya seperti *Commitment to welfare* (1968), *The philosophy of welfare* (1987), dan *Essays on the welfare state* (1955) beliau menyatakan:

- Sumber-sumber dalam negara mesti diagihkan kepada golongan miskin di dalam satu prasarana/infrastruktur manfaat dan perkhidmatan sosial (*within infrastructure of benefit and social services*) yang bersifat terbuka atau universal kepada semua dan boleh digunakan oleh semua orang,
- Kelayakan kepada perkhidmatan dan manfaat kebajikan harus bersifat universal dan tidak bersyarat (*universalism*),
- Sistem kebajikan sosial yang tidak bersifat "menilai" (*non-judgemental welfare*) atau tidak melabel (*no stigma*); dan,
- Kebajikan perlu dilihat sebagai satu hak sosial; bukannya satu hak politik atau ekonomi.

Berbalik semua kepada makna kebajikan sosial sebagai institusi asas pembinaan dan penyuburan moral masyarakat, idea dan kaitan antara institusi kebajikan sosial dan keadilan sosial banyak didasari oleh ajaran agama. Institusi kebajikan sosial di Britain umpamanya banyak dipengaruhi oleh *Christianity* dan prinsip *Fellowship* dalam agama tersebut yang percaya bahawa setiap manusia adalah sama darjatnya atau "*everyone is equal in the perspective of religion*" (Tawny, 1964/1938). Mengikut ajaran ini, kebajikan mempunyai potensi yang unik untuk mencapai dua objektif dalam satu masa yang sama. Pertama, kebajikan sosial boleh mengagihkan semua sumber-sumber negara dan dalam masa yang sama mengurangkan ketaksamaan atau ketidakadilan sosial. Kedua, kebajikan sosial boleh membina integrasi sosial (menyatupadukan masyarakat) dan menggalakkan *fellowship*. Bukan sahaja keadilan sosial, kebajikan sosial mampu menggalakkan sentimen altruisme, sikap timbal-balas (*reciprocity*), tanggungjawab sosial (*social duty*) dan rasa ehsan (*compassion*). Pendek kata, nilai-nilai ini merupakan asas kepada pentadbiran negara yang sejahtera.

Namun, institusi kebajikan sosial tidak boleh memaksa individu untuk mengutamakan kepentingan orang lain. Sekiranya dasar kebajikan bergantung harap sepenuhnya kepada prinsip altruisme, mungkin tidak akan ke mana. Oleh itu, bagi memastikan sistem kebajikan berkembang maju, masyarakat memerlukan satu sistem kebajikan formal yang ditubuhkan oleh kerajaan. Prinsip ini dikenali sebagai paternalisme; iaitu kerajaan/pemerintah bertindak sebagai saluran untuk mengawal kepentingan diri sendiri dan mengukuhkan altruism. Sistem kebajikan yang dikawal-selia atau diurus secara ketat oleh pemerintah/kerajaan menerusi sistem pengurusan kes yang rigid digelar sebagai kebajikan paternal (*paternalistic welfare*). Kebajikan paternalistik ini digambarkan oleh lima ciri berikut (Deacon, 2002):

- Arahan kerajaan (*government order*)
- Tanggungjawab kerajaan terhadap kesejahteraan hidup rakyatnya (*government responsibility for its people well-being*),
- Warganegara yang baik (*good citizenship*),
- Menanamkan obligasi sosial bersama-sama dengan hak politik (*inculcate social obligation along political rights*)-bagi membentuk sebuah masyarakat sivil (*civic society*). Dengan kata lain, *civic society citizenship*.
- Kerajaan bertindak sebagai agen penguatkuasa (*enforcement agent*), agen membuat arahan dan pandu-arah (*direction*) dan pemantauan (*surveillance*).

## **PENUTUP**

Fungsi dan peranan konvensional dasar sosial dan kebajikan sosial; iaitu untuk mengekal-pulihara status quo masyarakat, memperbaiki kualiti hidup masyarakat dan memajukan kehidupan masyarakat masih menjadi asas agenda institusi kebajikan sosial negara. Institusi ini masih relevan dalam melaksanakan peranannya sebagai medium perpaduan sosial, penstrukturan masyarakat, pembangunan ekonomi, pembangunan komuniti dan juga sebagai agen kawalan sosial. Namun, perubahan sosial yang berlaku secara dinamik mendesak kita untuk menilai dan membina semula makna, fungsi, peranan dan strategi institusi dan sistem dasar sosial dan kebajikan sosial yang kita amalkan sekian lama. Institusi kebajikan sosial perlu diperkasakan lagi agar peranan dan fungsinya sebagai asas pembinaan dan penyuburan moral dan agama masyarakat Malaysia, asas pertumbuhan ekonomi produktif negara dan asas pentadbiran negara yang adil-saksama terlaksana.

## **RUJUKAN**

Akmal Sarji Abdul Hamid, 2007. "Indeks Pembangunan Umman-Kes Malaysia" dim. *Malaysia ISebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Cohen, R.L. 1986. *Justice. Views from the social science*. New York: Plenum Press.

Crone, P. 2005. *Medieval Islamic political thought*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

- Davis, A., & Wainwright, S. 2000. Welfare to work: A third way for Britain?. Dalam Omar, R., & boling, J. *Issues and challenges of social policy. East and West*. Kuala Lumpur: University Malaya Press. Hal. 221-230.
- Dawe, A. 1978. *Theories of social action*, in. Bottomore, T., & Nisbet, R (eds). London:Heinemann.
- Deacon, A. 2002. *Perspectives on welfare*. Buckingham: Open University Press.
- De Muro, P., Mazziotta, M, & Pareto, A., 2010. Composite indices of development and overtly: jn application to MDGs. *Social Indicator Research*. Terbitan atastalian pada 21 Oktober2010. Springer
- Drover, G., & Kerans, P. 1993. *New approaches to welfare theory*. England: Edward Elgar 'ublishing Limited.
- Etzioni, A. 2013. *The spirit of community. Rights, responsibilities and the communitarian agenda*. New York: Crown Publishers.
- \_\_\_\_\_.1996. *The new golden rule. Community and morality in a democratic society*; New York: Basic Books.
- \_\_\_\_\_.1993. *The spirit of community. The reinvention of American society*. New York Touchstone.
- Fox-Piven. F. 1999. *The welfare state as the work enforcer. Dollars and Sense*. September 1999:32-37.
- Friedlander, W.A., & Apte, R.Z. 1974. *Introduction to social we/fere*.New Jersey, Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Goodin, R.E. 1988. *Reasons for welfare. The political theory of the welfare state*. New Jersey Princeton University Press.
- Griffin, J. (1986). *Well-being: Its meaning, measurement and moral importance*. Oxford Clarendon Press.
- Hahnel, R., & Albert, M. 1990. *Quiet revolution in welfare economics*. Princeton: Princeton University Press.
- Harris, P.R. 2001. From relief to mutual obligation: welfare rationalities and unemployment in 20th century Australia. *Journal of Sociology*, Vol. 37. No. 1:5-27.
- Hassard, J., & Denis, P. 1990. *The theory of philosophy of organisations*. London: Routledge Hayek, F. 1976. *The mirage of social justice*. Chicago: University of Chicago Press.
- Honneth, A., & Joas, H. 1988. *Social action and human nature*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Midgley, J. 1995. *Social decelopment. The developmental perspective in social*

welfare London: Sage Publication.

Muhammad Syukri Salleh. 2003. *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn Bhd.

Rawl, J. 1972. *Theory of justice*. Cambridge: Harvard University Press.

Seers, D. 1969. The Meaning of Development, dim. *International Development Review*, 11, hlm. 2-6

Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2011. *Kebajikan sosial. Teori dan praktis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_. 2007. *Strategi kebajikan dan dasar sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur

Penerbit Universiti Malaya.

Sumner, L.W. 1992. Two theories of the good. *Social Philosophy and Policy*, 9, 1-14.

Tawney, R. H. 1964. *Equality*. London: Unwin Books.

\_\_\_\_\_. 1938. *Religion and the Rise of Capitalism*. West Drayton: Pelican Books

Titmuss, R. 1987. *The philosophy of welfare*. George Allen & Unwin.

\_\_\_\_\_. 1968. *Commitment to welfare*. London: George Allen & Unwin.

\_\_\_\_\_. 1955. *Essays on the welfare state*. London: George Allen & Unwin.

UNDP (United Nations Development Programme). 1996. *Human Development Report*. New York: Oxford University Press.

Zarina., & Zulkarnain Hatta. 2012. Cabaran Kesejahteraan Sosial Negara: Perspektif Kerja Sosial, *Artikel* pada Konvensyen Kebangsaan: Pengukuhan Kepimpinan Institusi Pengajian Tinggi dalam Kesejahteraan Sosial Negara, Kuala Lumpur, 11-12 Oktober, 2012.

Zubair Hasan, 2006. Sustainable Development from an Islamic Perspective: Meaning, Implications and Policy Concerns. *J.KAU: Islamic Econ*. Vol.19. No.1.hlm:3-18.